

PERTANDINGAN - KUBANG PASU ❀ ❀ ❀

JITRA, 11 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG MEWAKILI BARISAN NASIONAL AKAN MENGHADAPI PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU DENGAN PRESIDEN HAMIM DATUK SUDIN WAHAB YANG MEWAKILI PARTI SEMANGAT 46, DI KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU PADA PILIHAN RAYA UMUM 21 OKT.

PENCALONAN KEDUA-DUANYA DIUMUMKAN OLEH PEGAWAI PENGURUS PILIHAN RAYA KAWASAN ITU DATUK SYED ZAIN SYED ABDULLAH, SELEPAS TAMAT WAKTU BANTAHAN BAGI PENAMAAN CALON PADA 12.30 TENGAH HARI.

DATUK SYED ZAIN MEMBUAT PENGUMUMAN ITU PADA 12.55 TENGAH HARI.

BELIAU BERKATA, KERTAS PENCALONAN DATUK SERI DR MAHATHIR DITERIMA PUKUL 9.40 PAGI MANAKALA KERTAS PENCALONAN DATUK SUDIN DITERIMA PUKUL 9.50 PAGI.

TIADA BANTAHAN DITERIMA BAGI KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU DAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI TUNJANG TETAPI SATU BANTAHAN DITERIMA BAGI KERUSI NEGERI JITRA. BANTAHAN ITU BAGAIMANAPUN DITOLAK. -- LAGI.
1337MST 11 10 90

D227

U B654 AAB
PERTANDINGAN - KUBANG PASU 2 JITRA

SEMENTARA ITU, MENTERI BESAR DATUK SERI OSMAN AROFF PULA DICABAR OLEH CALON SEMANGAT 46, ABDUL RASHID MAT SALLEH BAGI KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI JITRA MANAKALA ANGGOTA EXCO HAJI HANAFI RAMLI (BN) DITENTANG OLEH CALON PAS HAJI ABU KASSIM ABDULLAH BAGI KERUSI NEGERI TUNJANG.

KETIGA-TIGA MEREKA BERTANDING SEMULA UNTUK MENGEKALKAN KERUSI MASING-MASING. INI MERUPAKAN KALI KELIMA DATUK SERI DR MAHATHIR BERTANDING BAGI KAWASAN ITU SEJAK MEMENANGINYA PADA PILIHAN RAYA UMUM 1974.

PADA PILIHAN RAYA UMUM 1986, PERDANA MENTERI MENGALAHKAN CALON PAS DR AZIZAN ISMAIL DENGAN KELEBIHAN 15,298 UNDI. KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU MEMPUNYAI 52,341 PENGUNDI. -- LAGI.
1339MST 11 10 90

D266

U B656 BAH
PERTANDINGAN - KUBANG PASU 3 JITRA

KAWASAN PARLIMEN JERAI DAN KAWASAN-KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SALA DAN YAN JUGA MENYAKSIKAN PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU ANTARA CALON-CALON BN DENGAN PAS DAN SEMANGAT 46.

BEKAS ANGGOTA PARLIMEN JERAI, HAJI GHAZALI AHMAD YANG MEMPERTAHAKAN KERUSI ITU AKAN DITENTANG OLEH KETUA PENERANGAN PAS, HAJI SUBKI LATIFF DI KAWASAN PARLIMEN JERAI YANG MEMPUNYAI 37,171 PENGUNDI.

ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI, DATUK PADUKA HAJI ABDULLAH ISMAIL, 63, YANG BERTANDING MEMPERTAHAKAN KERUSI NEGERI YAN PULA AKAN DICABAR OLEH SEORANG PENIAGA DARI SEMANGAT 46, ENCIK JAMIL LONG, 38.

MENTERI KEWANGAN, DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN PULA DITENTANG OLEH SEORANG PENIAGA, ENCIK MOHD JOHARI ABIDIN, 45, DARI SEMANGAT 46 BAGI KAWASAN PARLIMEN MERBOK.

SEMENTARA ITU, MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID, JUGA MENGHADAPI PERTANDINGAN SATU LAWAN SATU BAGI KAWASAN PARLIMEN JERLUN/LANGKAWI.

PENENTANGNYA IALAH CALON SEMANGAT 46, SYED MUSTAFFA SYED HAMID, 54, PENGURUS PERJAWATAN SEBUAH SYARIKAT DI SINI. -- BERNAMA.